

# UMPSA, Grab Malaysia meterai MoU, tingkat akses pendidikan pekerja gig

Oleh [Asrol Awang](#) - Januari 12, 2024 @ 3:45pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Yuserrie (kiri) dan Ebi Azly bertukar dokumen selepas majlis memeterai MoU bagi mengukuhkan kerjasama dalam menyediakan akses pendidikan dan latihan yang mampu meningkatkan kelayakan akademik serta kompetensi pekerja gig di UMPSA Pekan. - Foto UMPSA

PEKAN: Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) dan Grab Malaysia memeterai memorandum persefahaman (MoU) bagi mengukuhkan kerjasama dalam menyediakan akses pendidikan dan latihan yang mampu meningkatkan kelayakan akademik serta kompetensi pekerja gig.

Naib Canselor UMPSA, Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin, berkata kerjasama itu sebagai langkah proaktif UMPSA dalam menyokong dan meningkatkan keupayaan

golongan pekerja gig sejajar dengan evolusi landskap pekerjaan semasa yang semakin berubah dan mencabar.

Pada masa sama, katanya, kerjasama strategik itu memberi peluang pekerja gig mengikuti program latihan dan pembangunan yang disediakan oleh UMPSA melalui anak syarikatnya, UMPSA Advanced.

"Keperluan untuk peningkatan kemahiran dalam kalangan golongan pekerja gig semakin mendapat penekanan di Malaysia dan melalui kerjasama ini diharapkan dapat memberi impak yang positif kepada perkembangan ekosistem ekonomi gig dalam negara.

"Justeru, UMPSA dan UMPSA Advanced akan berganding bahu untuk menawarkan kursus yang lebih fleksibel dan latihan berasaskan kompetensi kepada Grab Partners.

"Melalui kursus dan latihan yang bakal ditawarkan, pekerja gig ini akan turut mendapat akses kepada kursus dan latihan yang lebih fleksibel," katanya dalam kenyataan hari ini.

Pada majlis memeterai (MoU) semalam, UMPSA diwakili Yuserrie manakala Grab diwakili Pengarah Perhubungan Kerajaan dan Polisinya, Ebi Azly Abdullah.

Sementara itu, Ebi Azly berkata, kerjasama dengan UMPSA dalam memperkenalkan program dan kurikulum akademik yang fleksibel itu memberi peluang kepada rakan pemandu dan pengantar Grab mendapatkan akreditasi pendidikan tinggi ke arah peluang kerjaya yang lebih stabil bagi mereka.

"Kerjasama ini adalah peluang bagi rakan pemandu dan pengantar Grab di seluruh negara untuk menyertai pelbagai program latihan dan pembangunan yang disediakan oleh UMPSA melalui UMPSA Advanced," katanya.